

08 SEP 1999

Mahathir-pilihan raya

DR MAHATHIR MUNGKIN UMUMKAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM LEBIH CEPAT

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sambutan baik yang diberikan rakyat kepada beliau dalam siri lawatannya ke beberapa negeri memungkinkan beliau mempercepatkan pengumuman tarikh pilihan raya umum akan datang.

"Mungkin, mungkin (sambil menganggukkan kepalanya dan senyum)," katanya semasa ditanya adakah sambutan baik rakyat terhadap siri lawatan ke negeri-negeri itu akan mempercepatkan beliau mengumumkan tarikh pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Ditanya adakah sambutan baik rakyat terhadap lawatan beliau itu menunjukkan mereka bersatu menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN), beliau berkata: "Melainkan mereka itu hipokrit. Daripada air muka orang ramai yang menghadiri majlis lawatan (beliau), mereka nampak ikhlas dan berebut-rebut mahu bersalam dan kita begitu gembira dengan sambutan itu yang kelihatan riang sekali."

Dr Mahathir berkata beliau akan melakukan siri lawatan kedua, ketiga dan seterusnya ke negeri-negeri apabila siri lawatan pertamanya tamat.

Setakat ini Dr Mahathir telah melawat Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Kelantan dan ini akan disusuli dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata mesyuarat MT turut malam ini turut membincangkan mengenai persiapan jentera pilihan raya parti.

Selain itu, mesyuarat MT juga memperolehi makluman balas daripada negeri-negeri dan pemimpin Umno yang membuat lawatan ke negeri-negeri.

"Selain itu, mesyuarat ini turut menekankan pentingnya kita menyemak senarai pengundi baru yang akan dipamerkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya nanti," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT juga membincangkan mengenai cara sambutan perayaan Ulangtahun penubuhan Barisan Nasional ke-25.

--BERNAMA

ARA NAK